

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Perluas khidmat sokongan penjagaan kardiovaskular

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan meneliti perancangan memperluas perkhidmatan sokongan penjagaan kardiovaskular seperti dilaksanakan Institut Jantung Negara (IJN) menerusi Klinik Pengurangan Risiko Kardiovaskular (CRRC) ke seluruh negara.

CRRC adalah fasiliti kesihatan ditubuhkan IJN sejak dua tahun lalu, yang menggabungkan profesional kesihatan dan doktor bagi memastikan susulan dan pemantauan lebih berkesan, terutama bagi pesakit kategori tinggi dan sangat ekstrem serta berisik tidak mencapai sasaran tahap kolesterol lipoprotein berketumpatan rendah (LDL-C) walaupun menerima statin yang maksimum.

Setakat ini, hampir 600 pesakit mendapat manfaat daripada CRRC di IJN, dengan kualiti hidup serta tahap kesihatan mereka meningkat dengan ketara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata langkah itu mampu mengurangkan beban penjagaan pesakit penyakit tidak berjangkit (NCD) di negara ini, termasuk di peringkat awal.

"Buat masa ini, ia terlalu awal (untuk dilaksanakan). Saya akan bawa perkara mengenai CRRC ini ke mesyuarat pasca Kabinet dan melihat perancangannya pada masa depan.

"Ia bukan perkara yang boleh dilaksanakan dengan mudah.



Dr Dzulkefly (tengah) merasmikan Klinik Pengurangan Risiko Kardiovaskular di IJN, semalam. (Foto BERNAMA)

Kita perlu merancang, ada pembinaan dan pasukan pelbagai disiplin," katanya pada sidang media selepas merasmikan CRRC di IJN di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Dr Aizan Azan Abdul Rahim.

Terdahulu, dalam ucapannya, Dr Dzulkefly berkata, penyakit kardiovaskular menyumbang hampir 23.3 peratus daripada semua kematiian di Malaysia dan salah satu faktor risiko utama untuk penyakit kardiovaskular aterosklerotik (ASCVD) adalah kolesterol tinggi.

Katanya, mengikut Tinjauan

Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan 2023, 33.3 peratus orang dewasa di negara ini atau 7.6 juta orang berusia 18 tahun ke atas mengalami keadaan itu.

Lebih membimbangkan, satu daripada dua orang dewasa yang mempunyai kolesterol tinggi, tidak tahu mereka menghidapinya kerana paras kolesterol yang meningkat kebiasaannya tidak mempunyai simptom.

Justeru katanya, penubuhan CRRC memberi impak mendalam, yang mana lebih ramai pesakit boleh mencapai sasaran LDL-C mereka, yang berpotensi mengurangkan kejadian AS-

CVD berulang dan kemasukan ke hospital.

Pada masa sama, Dr Aizan Azan, berkata pihaknya bersedia bekerjasama dengan KKM untuk mengurangkan risiko kardiovaskular.

"Melalui gandingan CRRC di IJN yang inovatif ini, dengan kemahiran dan jaringan KKM yang meluas di seluruh negara, kita akan membantu lebih ramai rakyat untuk hidup lebih lama dan sihat," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Dzulkefly berkata kementerian perlu menyelesaikan beberapa isu berkaitan sebelum Rang Un-

dang-Undang (RUU) Perubatan (Pindaan) 2024 dapat dikuatkuasaikan.

Katanya antara isu berkenaan, termasuk berhubung empat graduan latihan Parallel Pathway dari Royal College of Surgeons Edinburgh (RCSEd) yang memfailkan semakan kehakiman selepas gagal mendaftarkan diri dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) sebelum ini dan empat kelulusan yang belum dimasukkan ke dalam Jadual 4 RUU berkenaan.

Dzulkefly berkata, KKM komited untuk melaksanakan RUU itu secepat mungkin, yang pada minggu ini dijangka dibentangkan di Dewan Negara.

"Kita ada beberapa isu berbangkit dan kita segera mengambil tindakan mengenainya.

"Bagaimanapun, kita mahu lakukan seberapa segera dan sebaik saja kita tahu mengenai garis masanya, kita akan maklumkan," katanya.

Pindaan ke atas Akta Perubatan 1971 itu bertujuan memberikan kuasa kepada Majlis Perubatan Malaysia (MMC) untuk mengiktiraf kelayakan dan latihan kepakaran bagi tujuan pendaftaran pengamal perubatan dan pakar.

Dzulkefly, sebelum ini, berkata RUU berkenaan akan menjamin penambahbaikan kepada kualiti dan kuantiti pakar perubatan yang akan dilahirkan negara, sama ada melalui program saraian atau parallel pathway.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : LOKAL

PINDAAN RUU PERUBATAN**KKM perlu selesai isu semakan kehakiman**

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu menyelesaikan beberapa isu berkaitan sebelum Rang Undang-Undang (RUU) Perubatan (Pindaan) 2024 dapat dilaksanakan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata, antara isu termasuk berhubung empat graduan latihan Parallel Pathway dari Royal College of Surgeons Edinburgh (RCSEd) yang memfailkan semakan kehakiman selepas gagal mendaftarkan diri dalam Daftar Pakaar Kebangsaan (NSR) sebelum ini dan empat kelulusan yang belum dimasukkan dalam Jadual 4 RUU berkenaan.

Menurutnya, KKM komited melaksanakan RUU itu secepat mungkin, yang pada minggu ini dijangka dibentangkan di Dewan

Negara.

"Kami ada beberapa isu berbangkit dan kami segera mengambil tindakan mengenainya.

"Bagaimanapun, kami mahu lakukan seberapa segera dan sebaik saja kami tahu mengenai garis masanya, kami akan maklumkan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Klinik Pengurangan Risiko Kardiovaskular (CRRC) di Institut Jantung Negara (IJN) di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif IJN, Datuk Dr Aizam Azan Abdul Rahim.

Minggu lalu, Dewan Rakyat meluluskan RUU Perubatan (Pindaan) 2024 yang bertujuan menambah baik peruntukan untuk melaksanakan proses kelulusan dan kepakaran pengamal perubatan.



DZULKEFLY (tengah) merasmikan Klinik Pengurangan Risiko Kardiovaskular (CRRC).

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 1
RUANGAN : MUKA SURAT HADAPAN

ISSN 2115-9715

Kosmo!

SUARA KONTEMPORARI

kosmo online
www.kosmo.com.my



Selasa
23.07.2024
17 Muharam 1446

RM2
BIL: 173 TAHUN 19
PP19529/09/2019 (035123)

JUAL BUAH PINGGANG DAPAT RM100,000

Pemuda korbankan organ lunas hutang bapa kepada ceti haram

Oleh NUR ALWANI ZAFIRAH KHAIRUL

PETALING JAYA – Seorang kerani mendedahkan dia menjual sebelah buah pinggangnya pada harga RM100,000 demi untuk melangsulkan hutang bapa kandungnya dengan along.

» BERSAMBUNG DI MUKA 2

Saya lelaki umur 29
Nak jual buah pinggang,
jenis B+, tidak merokok,
tidak minum, perlu
membayar hutang

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEGARA

Jual buah pinggang dapat RM100,000

DARI MUKA 1

Lelaki yang mahu dikenali sebagai Zurrad, 31, berkata, dia mengambil langkah berani mengiklankan organinya itu di laman Facebook kerana sudah tidak tahan dikejar ceti haram setiap hari pada Disember 2022.

"Ayah saya membuat pinjaman sebanyak RM20,000 kepada along kononnya untuk dijadikan sebagai modal pelaburan, namun akhirnya dia menanggung kerugian.

"Apabila ayah lambat membayar pinjaman, hutang itu bertambah mencecah RM100,000. Kami sekeluarga tidak tahu bawaha ayah berhutang sehingga dia menjual kereta lamanya dengan alasan ia jarang digunakan."

"Rupanya ayah bertindak demikian kerana mahu membayar hutang ceti haram, namun wang hasil jualan kereta itu masih tidak mencukupi menyebabkan kami tiga beranak diburu alang setiap hari," katanya * kepada Kosmo! di sini semalam.

Zurrad memberitahu, dengan gaji bulanan kurang RM3,000, agak mustahil baginya untuk membayar hutang tersebut.

Jelasnya, dia sekeluarga juga malu untuk meminta bantuan daripada saudara mala memandangkan bapanya kerap meminjam wang daripada adik-beradiknya.

"Saya tidak mempunyai pilihan. Mungkin sudah rezeki saya kerana selepas lima bulan memut naik iklan itu, ada beberapa individu yang menghubungi saya bertanyakan perkara tersebut.



PROSEDUR pemindahan buah pinggang memakan masa bergantung kepada tahap kesihatan seseorang individu dan menelan kos sehingga enam angka. — GAMBAR HIASAN

"Tapi prosesnya tidak mudah seperti yang disangka. Banyak prosedur yang perlu kami lalui bagi memastikan buah pinggang saya adalah sesuai dengan perenerima," katanya.

Bercerita lanjut, Zurrad berkata, dia kemudiannya bertemu dengan seorang pembeli dari Johor yang ketuban sedang mencari penderma buah pinggang

untuk bapanya yang menghidap penyakit buah pinggang kronik.

"Proses pemindahan buah

pinggang mengambil masa selama setahun. Pembeli tersebut sanggup membayar sebanyak RM100,000 kepada saya. Saya bernasib baik kerana kos sebanyak RM150,000 bagi pemindahan organ itu di hospital swasta turut ditanggung oleh pembeli tersebut," katanya.

Tambahnya, dia kini menarik nafas lega walaupun sudah hamipr enam bulan hidup dengan sebelah buah pinggang.

Namun Zurrad mengakui dia

perlu bersedia dengan sebarang kemungkinan termasuk masalah kesihatan kerana hanya bergantung dengan buah pinggang sebelah kiri.

"Saya terima sebarang risiko yang akan datang. Saya juga amat menitikberatkan pemakanan supaya tidak memberi kesan kepada kesihatan saya pada masa akan datang."

"Saya faham ia tidak mudah, tetapi semua ini saya lakukan demi keluarga tercinta."



KERATAN Kosmo! semalam.

"Saya anggap ini sebagai pengorbanan bagi membala jasa kedua-dua orang tua yang membesarkan saya selama 30 tahun," katanya.

Kosmo! semalam melaporkan kesempitan hidup dan berdepan masalah kewangan untuk membayar hutang membuatkan ada segelintir pihak nekad menjual buah pinggang secara terbuka di Facebook walaupun mengetahui ia salah di sisi undang-undang.

Kegiatan haram tersebut dikesan dalam satu kumpulan Mencari Penderma Buah Pinggang yang mana rata-rata ahliya menawarkan organ kepada pihak yang terdesak untuk mendapatkannya kerana terpaksa menunggu giliran yang lama daripada penderma.

Ada pengiklan yang meletakkan harga RM55,000 bagi sebelah buah pinggang yang dijual untuk melangsungkan hutang. Kegiatan haram itu dikesan aktif sejak Disember 2022 dengan rata-rata penjuul meletakkan butiran diri seperti umur, jenis darah, kesihatan dan nombor telefon kepada pembeli yang berminat.

Jururawat korban sebelah organ demi anak



MAIZATUL AKMA (kanan) dan anaknya sebelum menjalani pemindahan buah pinggang di sebuah hospital baru-baru ini.

SHAH ALAM — Demi kasih kepada anak, seorang jururawat wanita sanggup berkongsi buah pinggang dengan zuriat sulungnya yang berusia 24 tahun.

Muhammad Faqih Saiful dikesan mengalami masalah buah pinggang apabila dua kakinya dari lutut ke bawah mengalami pembengkakan sehingga menyukarkan pergerakan untuk ke tempat kerja di sebuah kedai gajet di Lembah Klang.

Maizatul Akma Osman, 44, berkata, kesihatan anaknya makin merosot selepas pemuda itu demam dan pemeriksaan di Hospital Kuala Lumpur mendapati terdapat sindrom nefrotik salah satu penyakit buah pinggang.

"Selama lima tahun anak saya

mengambil pelbagai jenis ubat, namun tidak berkesan. Hati mana yang tidak sedih melihat anak sendiri menanggung sakit pada usia muda.

"Jadi saya nekad menderma sebelah buah pinggang untuk kelangsungan hidupnya," katainya kepada Kosmo! semalam.

Menurut wanita itu, pembentahan transplan tersebut berjaya dilakukan lebih setahun lalu, namun dia tidak memaklumkan penderma itu adalah dirinya.

Muhammad Faqih hanya mengetahui perkara itu selepas memasuki dewan bedah.

"Saya melakukan pelbagai ujian seperti air kencing dan darah selama enam bulan bagi memastikan ia bersesuaian. Sepanjang tem-

poh itu, saya dikesan mempunyai fibroid dan ia dibuang sebelum transplan dilakukan," katanya.

Maizatul menambah, dia mengambil masa 47 hari untuk pulih dan minggu pertama dianggap paling menyakitkan.

"Jika mahu mendapatkan buah pinggang orang lain, anak saya perlu tunggu 10 atau 15 tahun lagi. Saya bersyukur anak kembali sihat, namun perlu menjalani rawatan seumur hidup. Itu lebih baik berbanding kaedah dialisis tiga kali sehari," katanya.

Ditanya mengenai tindakan pihak yang menjual buah pinggang kerana terdesak, ibu tiga anak tersebut memaklumkan secara peribadi dia tidak menggalakkan perkara tersebut.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA

Selesai isu semakan kehakiman sebelum pindaan RUU Perubatan dilaksana

KUALA LUMPUR – Kementerian Kesihatan (KKM) perlu menyelaikan beberapa isu berkaitan sebelum Rang Undang-Undang (RUU) Perubatan (Pindaan) 2024 dapat dilaksanakan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, antara isu berkenaan termasuk semakan kehakiman yang sebelum ini difaikkan empat graduan latihan *Parallel Pathway* dari Royal College of Surgeons Edinburgh (RCSEd).

Rayuan itu difaikkan mereka selepas gagal mendaftarkan diri dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) dan empat kelulusan yang belum dimasukkan ke dalam Jadual 4 RUU berkenaan.

"Kementerian sememangnya komited melaksanakan RUU itu secepat mungkin, dijangka dibentangkan di Dewan Negara minggu ini.

"Kita ada beberapa isu berbangkit dan kita segera mengambil tindakan mengenainya. Bagaimanapun, kita mahu lakukan seberapa segera dan sebaik saja kita tahu mengenai garis masanya, kita akan maklumkan," katanya selepas merasmikan Klinik Pengurangan Risiko Kardi-



DZULKEFLY (dua dari kiri) pada perasmian klinik CRRC pertama negara di IJN, Kuala Lumpur semalam.

ovaskular (CRRC) di Institut Jantung Negara (IJN) semalam.

Terdahulu, Dewan Rakyat pada minggu lalu meluluskan RUU Perubatan (Pindaan) 2024, yang bertujuan menambah baik peruntukan untuk melaksanakan proses kelulusan dan kepakaran pengamal perubatan dan pakar.

Pindaan ke atas Akta Perubatan 1971 itu bertujuan memberikan kuasa kepada Majlis Pe-

rubatan Malaysia (MMC) untuk mengiktiraf kelayakan dan latihan kepakaran bagi tujuan penilaian pengamal perubatan dan pakar.

Dzulkefly, sebelum ini berkata, RUU berkenaan akan menjamin penambahan kepada kualiti dan kuantiti pakar perubatan yang akan dilahirkan negara, sama ada melalui program sarjana atau *Parallel Pathway*.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NASIONAL

KKM masih lakukan penelitian

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) masih perlu membuat penelitian terhadap beberapa perkara berkaitan Rang Undang-Undang (RUU) Perubatan (Pindaan) 2024 sebelum ia dilaksanakan, kata Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Menurutnya, antara perkara berkaitan yang perlu diteliti termasuk permohonan empat graduan perintis program pembedahan kardiotoraks untuk mendaftar sebagai pakar dalam Daftar Pakar Kebangsaan (NSR) dan empat kelulusan yang belum dimasukkan ke dalam Jadual 4 RUU berkenaan.

"Saya dan timbalan akan bentangkan pindaan akta di Dewan Negara minggu ini, dan kami komited untuk menyelesaikannya dengan segera," katanya pada sidang akhbar selepas merasmikan Klinik Pengurangan Risiko Kardiovaskular (CRRC) di Institut Jantung Negara, di sini pada Isnin.

Media sebelum ini melaporkan, Majlis Perubatan Malaysia (MMC) telah menolak permohonan empat graduan perintis program pembedahan kardiotoraks untuk mendaftar sebagai pakar dalam NSR. - Bernama

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : CETUSAN

Mampukah rakyat Malaysia 'berperang' kurangkan gula

KEMPEN 'Kurang Gula, Kurang Harga' yang akan dilancarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) tidak lama lagi sememangnya satu inisiatif sangat menarik.

Apatah lagi, selepas Naib Presiden Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia (Presma), Abdul Mukthahir M. Ibrahim juga menyatakan sokongan menjayakan kempen tersebut dengan mengesahkan 3,500 rangkaian restoran di bawah Presma seluruh negara bersetuju menurunkan harga sebanyak 10 sen untuk minuman teh O dan kopitiam tanpa gula.

Kempen tersebut, antara lain bagi meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai kepentingan amalan pemakanan sihat melalui pengurangan pengambilan gula dalam diet harian, di samping membantu mengurangkan kos rawatan dan perubatan susulan penyakit yang berpunca daripada tabiat pemakanan tidak sihat serta tidak seimbang terutama kandungan gula berlebihan.

Laporan Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023 mendapati satu daripada enam orang dewasa atau 15.6 peratus daripada populasi orang dewasa di negara ini didiagnoskan sebagai penghidap penyakit diabetes. Malah, lebih membimbangkan Malaysia paling tinggi mempunyai penghidap kencing manis atau diabetes di Asia.

Persoalannya, mampukah objektif kempen 'Kurang Gula, Kurang Harga' benar-benar tercapai dan mencapai sasaran?

Sebelum ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) juga giat melancarkan kempen demi kempen 'berperang dengan gula' bagi mendidik rakyat mengurangkan pengambilan gula.

Hakikatnya, keberkesanannya kempen seumpama ini sangat bergantung kepada sejauh mana rakyat Malaysia 'berjiwa kental' mahu mengurangkan 'ke-manisan' dalam setiap pengambilan minuman atau makanan. Apatah lagi, penggunaan gula di negara ini seolah-olah sudah menjadi satu kemesitian.

Justeru, semua kementerian dan agensi kerajaan perlu sama-sama memainkan peranan melaksanakan serta menjayakan kempen kurangkan gula. Janganlah hanya menyerahkan bulat-bulat peranan tersebut kepada KKM atau KPDN semata-mata.

Namun, paling penting adalah keazaman rakyat Malaysia. Marilah kita selangkah lebih sihat dengan mengurangkan pengambilan gula secara beransur-ansur dan hadkan juga minuman-minuman yang manis. Rajin-rajinlah baca label terutama kandungan gula dalam setiap barang yang dibeli.

Sentiasa ingat – kurangkan manis dalam minuman dan makan, lebihkan manis dalam senyuman.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA**MUKA SURAT : 10****RUANGAN : DALAM NEGERI**

Gubal polisi, didik rakyat elak hidap penyakit tidak berjangkit

PETALING JAYA: Kerajaan perlu fokus menggubal polisi dan ‘membetulkan’ tingkah laku rakyat bagi mengelakkan risiko mereka menghidap penyakit tidak berjangkit sehingga melonjakkan kos perubatan negara sehingga 12.6 peratus.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPP-KAM), Prof Dr Jamaluddin Ab Rahman berkata, ini kerana perlakuan kesihatan sudah tentu tidak mampu menanggung bilangan pesakit yang semakin ramai pada tahun-tahun seterusnya.

Menurut beliau, tumpuan perlu diberikan kepada aspek pencegahan termasuk menguatkuaskan polisi bagi mengelakkan sebarang penyakit berisiko tinggi.

“Sampai bila mahu mengeluh mengenai kos perubatan meningkat. Jadi penting melabur dalam polisi melakukan pencegahan.

“Jadi kena ubah tingkah laku dan buat kemenangan kesedaran. Tetapi pada masa sama, suasana sekililing pun kena sihat, maka perlu melihat undang-undang apa yang boleh diperkenalkan bagi mengubah amalan tingkah laku berisiko tinggi.

“Misalnya, berapa banyak bilangan kedai makan buka pada waktu malam, dan ada yang 24 jam, maka boleh sahaja (adakan) polisi kurangkan buka kedai makan pada sebelah malam,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Utusan Malaysia semalam melaporkan, kos perubatan di negara ini mencatatkan peningkatan sebanyak 12.6 peratus berbanding purata 5.6 peratus inflasi global pada tahun lalu.

Peningkatan ini di dorong oleh pertambahan 600,000 rakyat dewasa yang menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) dalam tempoh empat tahun sejak 2019.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : FORUM



SENARAI kadar bayaran tempat letak kereta di Hospital Pakar Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (HPKK UKM), Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur yang membebangkan pelanggan.

Caj parkir hospital kanak-kanak membebangkan

SAUDARA PENGARANG,

SAYA berharap pihak Hospital Pakar Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia (HPKK UKM) dapat mempertimbangkan untuk memurunkan kadar caj tempat letak kereta bagi pelanggan.

Ini kerana, saya perlu membayar RM27 selepas bermalam akibat anak dimasukkan ke wad, hospital berkenaan, baru-baru ini.

Bayangkan, kalau pelanggan lain yang perlu bermalam sehingga seminggu, sudah tentu caj yang dikenakan melambung tinggi.

Rata-rata pelanggan hospital ini adalah kakitangan kerajaan yang bebas menikmati kemudahan secara percuma, namun ada pula 'caj tersembuni' parkir yang perlu ditanggung.

Saya mencadangkan agar kadar setengah jam berikutnya dicaj RM1 perlu dipanjangkan tempoh masa, contohnya seperti tiga jam berikutnya RM1, atau amalkan konsep bayaran sekali masuk.

Caj mahal juga terpaksa ditanggung ratusan pesakit di Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) yang terletak bersebelahan. Malah, saya juga pernah mengalami pengalaman serupa ketika isteri bersalin anak sulung.

Caj yang dikenakan melebihi RM20 menyebabkan saya berasa sedikit terbebani. Seingat saya, kadar tempat letak kereta hospital swasta tidaklah terlalu mahal.

HPKK UKM adalah hospital yang disubsidi sebahagian oleh kerajaan dan separuh swasta. Saya kira, pertimbangan dan kewajaran ini perlu diambil kira agar caj parkir lebih mesra pelanggan.

Rata-rata pelanggan hospital ini adalah kakitangan kerajaan yang bebas menikmati kemudahan secara percuma, namun ada pula 'caj tersembuni' parkir yang perlu ditanggung."

WAFIQ MUZAKKIR
Kuala Lumpur

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS / NATION

TABLING OF BILL IN DEWAN NEGARA

Changes to Medical Act: 'Some issues need to be resolved'

KUALA LUMPUR: The Health Ministry needs to resolve certain issues before the amendment bill to the Medical Act 1971 can be implemented.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said yesterday that they included judicial reviews previously filed by four Parallel Pathway trainees from the Royal College of Surgeons of Edinburgh after failing to register with the National Specialist Register.

He also said four qualifications had not yet been included in Schedule 4 of the bill.

"The bill is expected to be tabled in the Dewan Negara this week and will be implemented soon," he said after launching the Cardiovascular Risk Reduction Clinic (CRRC) at the National Heart Institute (IJN) yesterday.

Earlier, the Dewan Rakyat passed the Medical (Amendment) Bill 2024 to improve provisions for the approval process and specialist expertise of medical practitioners.

The amendment aims to empower the Malaysian Medical Council to recognise qualifications and specialist training to register medical practitioners and specialists.

Dzulkefly also announced a broadening outreach of the CRRC.

He said at a press conference at IJN that 30 per cent of premature deaths due to heart disease were due to ischemic heart disease inclusive of atherosclerotic cardiovascular diseases and cardiovascular accidents.

He said cardiovascular diseases accounted for nearly one in four deaths in Malaysia.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NATION

Stakeholders involved in National Health Fund talks

By HO JIA WEN
jiawen.ho@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Stakeholders are actively involved in discussions on the National Health Fund, which was recently proposed to enhance healthcare financing.

Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said his ministry has been engaging extensively with stakeholders such as the Finance Ministry, Bank Negara, Employees Provident Fund and the private sector – including Bursa Malaysia.

"This is for them to understand where we're coming from, that the fund is actually beyond just the consolidated fund or the tax sources, but also mobilising other sources of funding as well," he said after launching the Cardiovascular Risk Reduction Clinic (CRRC) expansion at the National Heart Institute (IHN) yesterday.

Last week, Dzulkefly said in the



More capacity: Dzulkefly signing a plaque during the launch at IJN. — FAIHAN GHANI/The Star

Dewan Rakyat that the ministry was exploring the establishment of the fund for better healthcare financing.

He acknowledged the significant burden of out-of-pocket healthcare expenses borne by Malaysians, which currently stands at 37%.

Dzulkefly outlined that funding would be pooled from various sources – including tax and non-tax revenues – such as the proceeds from the sugar-sweetened beverage tax, which are earmarked for healthcare.

On the amendments to the Medical Act, Dzulkefly said there

was no set timeline yet for its implementation.

"I will be practical and honest about this. We hope to implement it as soon as possible. That is as much as I can say (for now)," he said when asked whether it could be implemented by this year.

The Health Minister noted that

there were still outstanding issues with the four graduates and four registrable specialist qualifications not included in the Fourth Schedule of the Act yet.

Four cardiothoracic surgery graduates' applications to be listed in the National Specialist Register was rejected by the Malaysian Medical Council, and they have since sued the council.

The Star has reported that there is a dire shortage of cardiothoracic surgeons which has caused 1,500 heart and lung disease patients to wait for treatment.

The Medical Act 1971 Amendment Bill 2024, which clarifies the parallel pathway for specialist registration, was passed by Dewan Rakyat last week.

Many in the medical fraternity have lauded the amendments, including the Malaysian Medical Association and the Academy of Medicine of Malaysia.

They said the amendments could be a solution to the specialist shortage in the country.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 12
RUANGAN : VIEWS

Desperation fuels organ trade

Debt-strapped M'sians resort to selling kidneys on social media

SOME Malaysians are offering to sell their kidneys on social media to pay off debts, *Kosmo!* reported.

The exclusive report, which uncovered the illegal activity on Facebook through a group seeking kidney donors, cited three cases.

Individuals advertised their organs, including health details, blood type and contact information.

Among them was a petty trader named Hafaz, 43, who said that he wanted to sell his kidney to recover a piece of land belonging to his mother, which he had secretly

mortgaged for RM150,000.

"I am aware that selling my organ is wrong, but I have reached a dead end in order to find money."

"I will donate (my organ) if the patient is willing to provide money to settle my debts," Hafaz said.

Another was a 32-year-old contractor seeking RM100,000 in 2021 to clear debts and fund his child's heart surgery.

Dr Hasdy Haron who is a senior manager of the National Organ Transplant Clinic, which comes under the National Organ Transplant Resource Centre, said

as of June, a total of 9,245 patients were on the waiting list for organs such as kidneys, liver, heart and lungs from deceased donors.

However, he said only 46 donors had registered, and as such, the price of organs were exorbitant on the black market.

> 14-year-old Nur Marissa Hana Anuar is a rising star on TikTok, with 71,000 followers for her anime (Japanese animation) artwork, which she sells for between RM10 and RM20 a piece.

Her mother Nur Shahida Md Yusup, 39, who spoke to *Harian Metro*, said her daughter, a stu-

dent, began doodling when she was only three years old and drew her own characters for her comic book.

"She has since moved on to digital drawings, and even her teacher commended her talent," Nur Shahida said.

She said both she and her husband Amuar Kamaruddin, 41, were supportive of Nur Marissa who at times faced negative remarks.

Nur Shahida, who has dyslexia and ADHD, said that she uses her platform to challenge misconceptions about dyslexia.